



**PENERBITAN ARTIKEL BAHASA MELAYU DALAM AKSES TERBUKA  
DI MALAYSIA**

Oleh

**MOHAMMAD ZAKUAN BIN MOHD FADZIL**

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**Disember 2021**

**FBMK 2021 72**

## **HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai  
memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**PENERBITAN ARTIKEL BAHASA MELAYU DALAM AKSES TERBUKA  
DI MALAYSIA**

Oleh

**MOHAMMAD ZAKUAN BIN MOHD FADZIL**

**Disember 2021**

**Pengerusi : Prof. Madya Norazlina Haji Mohd Kiram, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini bertitik tolak daripada sorotan literatur yang menyerlahkan kajian-kajian ilmiah yang sedia ada dalam melihat sejauh manakah kedudukan bahan rujukan ilmiah bahasa Melayu dalam akses terbuka di Malaysia. Terdapat tiga objektif yang dilihat begitu signifikan dalam kajian ini, iaitu bilangan artikel ilmiah bahasa Melayu, perkembangan tahun penerbitan artikel ilmiah bahasa Melayu serta afiliasi pengarang penerbitan artikel ilmiah bahasa Melayu dalam akses terbuka. Dalam memastikan kajian ini mencapai objektifnya, pendekatan bibliometrik oleh Rehn, Gornitzki, Larsson dan Wadskog (2014) telah diterapkan. Pemilihan pendekatan ini bertepatan dengan bahan kajian yang digunakan, iaitu artikel ilmiah. Pengumpulan data dibataskan hanya kepada artikel bahasa Melayu sahaja yang dipilih dan artikel mestilah berbentuk ilmiah yang disaring dengan menggunakan struktur IMRaD oleh P. K. Ramachandran Nair dan Vimala D. Nair (2014). Sampel kajian diambil daripada artikel di Malaysian Citation Index (MyCite) dan terdapat sebanyak 16720 bilangan artikel bahasa Melayu daripada 153 buah jurnal. Berdasarkan analisis yang dilakukan, kajian mendapati bahawa sebanyak 8016 artikel ilmiah bahasa Melayu yang terdapat dalam akses terbuka di MyCite. Selain itu, perkembangan tahun penerbitan artikel ilmiah bahasa Melayu dalam akses terbuka tidak konsisten dari tahun 1973 hingga tahun 2018. Terdapat sebanyak 400 afiliasi yang dikenal pasti dalam menyumbang kepada penerbitan artikel ilmiah bahasa Melayu iaitu 20 institusi dari IPTA, 53 institusi IPTS, 109 IPT luar negara, 127 institusi awam, 20 institusi swasta, 25 institusi luar negara dan 46 institusi lain-lain. Secara tuntasnya, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan bererti dalam pengkajian artikel ilmiah bahasa Melayu dan akses terbuka, sekali gus membuka ruang dan peluang dalam meraikan kajian-kajian ilmiah pada masa akan datang.

Abstract of this thesis is presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia as a fulfilment of requirement for the degree of Master of Arts

**PUBLICATION OF ARTICLE OF MALAY LANGUAGE IN OPEN ACCESS IN  
MALAYSIA**

By

**MOHAMMAD ZAKUAN BIN MOHD FADZIL**

**December 2021**

**Chairman : Assoc. Prof. Norazlina Haji Mohd Kiram, PhD**  
**Faculty : Modern Language and Communication**

This study is based on the literature reviews of present scholarly research in investigating the position of Malay language scholarly research articles in open access in Malaysia. There were three significant objectives: the number of Malay language scholarly research articles, the evolution of years of publication, and the authors' affiliation with open access. A bibliometric approach by Rehn, Gornitzki, Larsson, and Wadskog (2014) was adopted to accomplish the objectives. This approach is beneficial in analysing scholarly research articles. Data collection is limited to Malay language research articles selected using the IMRaD structure developed by P.K. Ramachandran Nair and Vimala D. Nair (2014). The study samples were selected from the Malaysian Citation Index (MyCite), including 16720 Malay language research articles published in 153 journals. The finding revealed that a total of 8016 Malay language research articles are available on MyCite. Furthermore, publishing Malay language research articles in open access journals was found inconsistent from 1973 to 2018. Meanwhile, 400 affiliates were identified to publish Malay language research articles, including 20 (public tertiary institutions), 53 (private tertiary institutions), 109 (international tertiary institutions), 127 (public institutions), 20 (private institutions), 25 (international institutions), and 46 (other institutions). To conclude, it is anticipated that this study will provide insight into contributing significantly to the study of Malay language scholarly research articles and open access, thus celebrating future scholarly research.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli jawatankuasa penyeliaan adalah seperti berikut:

**Norazlina Haji Mohd Kiram, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Sharil Nizam Sha'ri, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 April 2022

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Mohammad Zakuan bin Mohd Fadzil

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan**

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan:

\_\_\_\_\_  
Profesor Madya  
Dr. Norazlina Haji Mohd Kiram

Tandatangan:

Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan:

\_\_\_\_\_  
Pensyarah Kanan  
Dr. Sharil Nizam Sha'ri

## **SENARAI KANDUNGAN**

### **Muka Surat**

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii

### **BAB**

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Objektif Kajian	4
1.4	Batasan Kajian	4
1.5	Kepentingan Kajian	4
1.6	Definisi Operasional	5
1.6.1	Artikel Jurnal	6
1.6.2	Akses Terbuka	6
1.7	Rumusan	7
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1	Pengenalan	8
2.2	Kajian Berkaitan Penerbitan Bahan Ilmiah Bahasa Melayu	8
2.3	Kajian Berkaitan Artikel Ilmiah dalam Akses Terbuka	12
2.4	Kajian Berkaitan Pendekatan Bibliometrik dalam Penerbitan	18
2.5	Perkaitan antara Kajian Lepas dengan Kajian yang Dijalankan	23
2.6	Rumusan	24
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	25
3.2	Reka Bentuk Kajian	25
3.3	Kerangka Konsep	25
3.3.1	Pendekatan Bibliometrik – Rehn, Gornitzki, Larsson & Wadskog	25

3.3.2	Kerangka Struktur IMRaD (Introduction, Methodology, Result and Conclusion) – Ramachandran Nair & Vimala Nair	29
3.4	Data Kajian	30
3.5	Kaedah Kajian	31
3.6	Langkah Pengumpulan Data	31
3.7	Langkah Penganalisisan Data	32
3.8	Kerangka Kajian	33
3.9	Rumusan	35
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	36
4.2	Bilangan Artikel Ilmiah Bahasa Melayu	36
	4.2.1 Bilangan Artikel Ilmiah Bahasa Melayu dalam MyCite	36
	4.2.2 Penyaringan IMRaD Terhadap Artikel Ilmiah Bahasa Melayu	51
4.3	Perkembangan Tahun Penerbitan Artikel Ilmiah Bahasa Melayu dalam Akses Terbuka	65
	4.3.1 Perkembangan Artikel Ilmiah bahasa Melayu dalam Akses Terbuka Tahun 1970-an	67
	4.3.2 Perkembangan Artikel Ilmiah Bahasa Melayu dalam Akses Terbuka Tahun 1980-an	68
	4.3.3 Perkembangan Artikel Ilmiah Bahasa Melayu dalam Akses Terbuka Tahun 1990-an	69
	4.3.4 Perkembangan Artikel Ilmiah Bahasa Melayu dalam Akses Terbuka Tahun 2000-an	71
	4.3.5 Perkembangan Artikel Ilmiah Bahasa Melayu dalam Akses Terbuka Tahun 2010-an	72
4.4	Afiliasi Pengarang Artikel Ilmiah Bahasa Melayu dalam Akses Terbuka	74
	4.4.1 Gabungan Afiliasi Pengarang	86
	4.4.2 Jenis Afiliasi Pengarang	87
	4.4.2.1 Institusi Awam	88
	4.4.2.2 Institut Pengajian Tinggi Luar Negara	88
	4.4.2.3 Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)	89
	4.4.2.4 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)	89
	4.4.2.5 Institusi Swasta	90
	4.4.2.6 Institusi Luar Negara	90
	4.4.2.7 Lain-Lain	91
4.5	Rumusan	91

**KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	92
5.2	Kesimpulan	92
5.3	Cadangan	94
5.4	Penutup	95

**BIBLIOGRAFI**

96

**BIODATA PELAJAR**

105

**SENARAI PENERBITAN**

106

## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
1 Senarai Jurnal yang Mengandungi Artikel Bahasa Melayu di Mycite	36
2 Penerbitan Artikel Ilmiah Bahasa Melayu Tahun 1970-an	67
3 Penerbitan Artikel Ilmiah Bahasa Melayu Tahun 1980-an	68
4 Penerbitan Artikel Ilmiah Bahasa Melayu Tahun 1990-an	70
5 Penerbitan Artikel Ilmiah Bahasa Melayu Tahun 2000-an	71
6 Penerbitan Artikel Ilmiah Bahasa Melayu Tahun 2010-an	73
7 Afiliasi Pengarang Artikel Ilmiah Bahasa Melayu dalam MyCite	74

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Aspek Bibliografi dalam Pendekatan Bibliometrik	26
2	Kerangka Pendekatan Bibliometrik dalam Akses Terbuka Penerbitan Artikel Ilmiah Bahasa Melayu	28
3	Kerangka Kajian	34
4	Perkembangan Tahun Penerbitan Artikel Ilmiah Bahasa Melayu dalam Akses Terbuka	66
5	Gabungan Afiliasi Pengarang Artikel Ilmiah Bahasa Melayu dalam MyCite	86
6	Jenis Afiliasi Pengarang Artikel Ilmiah Bahasa Melayu dalam MyCite	87

## **SENARAI SINGKATAN**

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DOAJ	Directory of Open Access Journals
DOAR	Direktori Open Access Respositories
IPTA	Institusi Pendidikan Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
UM	Universiti Malaya
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Sebelum teknologi penerbitan diperkenalkan, manusia hanya mampu untuk berkongsi idea, pandangan dan penemuan secara lisan (Mus Chairil Samani, 2012). Hal ini menyebabkan idea yang disampaikan ditokok tambah dan berubah-ubah apabila diterima oleh orang lain. Keinginan untuk mengekalkan idea ini telah menemukan teknologi percetakan yang secara tidak langsung memperkenalkan teknologi penerbitan dalam bentuk salinan keras. Pada era teknologi yang mengutamakan penggunaan komputer, penerbitan bahan secara digital telah mula diperkenalkan dalam bentuk buku digital, jurnal elektronik dan sebagainya (Amran Joned, 2009). Dalam konteks negara Malaysia yang memartabatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam lisan dan tulisan, bahan-bahan penerbitan ini seharusnya diterbitkan dalam bahasa Melayu lebih-lebih lagi yang melibatkan bidang ilmu dan pendidikan. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan di negara ini (Zuraini Ramli, 2019)

Namun begitu, pemikiran bahawa bahasa Melayu tidak bersifat universal seharusnya tidak berlaku dalam kalangan ahli akademik (Teo Kok Seong, 2013). Setelah 64 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan, bahasa Melayu telah mengalami banyak penambahan korpus bahasa meliputi pelbagai bidang sains dan kemasyarakatan. Oleh hal yang demikian, bahasa Lingua Franca ini sudah mampu membicarakan bidang akademia dalam penyampaian dan pemindahan ilmu serta sebagai wahana komunikasi minda kepada khalayaknya. Pemindahan ilmu dalam bentuk ilmiah ini dapat dilihat dari segi pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta peningkatan penerbitan bahan ilmiah terutamanya jurnal dalam bahasa Melayu. Menurut Roosfa Hashim (2011) kajian berkaitan dengan penerbitan jurnal bukanlah sesuatu yang baharu, malahan telah bermula sejak zaman sebelum merdeka seperti kajian oleh Cheeseman Lim (1975), Kay Kim (1986), Md. Sidin Ahmad Ishak (1997), Byrd (1991) dan Tiew (1998).

Penerbitan jurnal di Malaysia bermula sejak abad ke-19, di mana jurnal pertama yang diterbitkan ialah *The Journal of the Archipelago and Easter Asia* oleh James Richardson Logan dari tahun 1847 sehingga 1863 (Yeong & Tan, 2009). Jurnal yang diterbitkan pada setiap bulan ini telah diterbitkan sebanyak 13 jilid. Sejarah penerbitan bagi jurnal ilmiah bahasa Melayu pula bermula setelah kemerdekaan negara, iaitu *Journal Persatuan Sejarah Kelantan* yang diterbitkan pada 1964 yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam penulisannya (Arndt, 2008). Bagi jurnal ilmiah dwibahasa yang paling awal pula yang menerbitkan artikel dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ialah *Jurnal Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya* tahun 1985 (Roosfa, 2010).

Perkembangan teknologi telah memungkinkan jurnal diterbitkan secara elektronik yang dikenali dengan e-jurnal. Dalam Malaysia, sebanyak 6 buah e-jurnal telah diterbitkan, iaitu *Current Law Journal*, *Jurnal Kejuruteraan*, *The Malaysian Journal of Computer Science*, *Jurnal Dewan Bahasa*, *Buletin Akademik Kognitif* dan *Akademika* (Roosfa, 2000). Selain itu, Ling, Mashkhuri & Pan (1997) telah membuat kajian tentang perkembangan penerbitan elektronik di Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, tahun 1995 telah menyaksikan penerbitan secara elektronik yang pertama telah dapat diakses di negara ini. Namun, setelah lima tahun diterbitkan secara elektronik, hanya terdapat enam judul jurnal ilmiah elektronik diterbitkan oleh pelbagai institusi awam dan kerajaan serta menjadi rujukan kepada ahli akademik dan para penyelidik di seluruh dunia dalam pelbagai disiplin ilmu (Roosfa Hashim, 2000).

Namun demikian, perkembangan penerbitan artikel jurnal dalam negara secara digital terpaksa mengikuti peredaran semasa. Dalam pada itu, peningkatan ketara telah berlaku berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh MyCite pada tahun 2017, iaitu sebanyak 225 buah jurnal yang telah berdaftar di bawah MyCite dan mengandungi sebanyak 59249 buah artikel di dalamnya. Namun, kebanyakan penerbitan ilmiah yang ada hanya sekadar kepada mereka yang mampu membayar untuk memperoleh bahan ilmiah dan maklumat atau data yang terkandung di dalamnya. Hal ini jelas apabila berlakunya fenomena kenaikan harga jurnal yang melambung tinggi di negara-negara Eropah termasuklah Asia. Misalnya, pada tahun 1975 sehingga tahun 1995, harga jurnal ilmiah bahan bercetak dalam bidang sains, teknologi dan perubatan telah meningkat antara 200% ke 300% dalam penerbitan ilmiah (Dewatripont, et al., 2006).

Malahan peningkatan harga jurnal ini terus berlaku pada tahun 2013, iaitu peningkatan 6% kadar kenaikan harga jurnal ilmiah di negara seperti Jerman (Bosch & Henderson, 2013). Oleh sebab kenaikan harga ini, telah berlakunya peristiwa penting, iaitu munculnya gerakan akses terbuka yang telah menghimpunkan sejumlah para ilmuwan, penyelidik dan pustakawan pada tahun 2002 di Kota Budapest, iaitu *Declaration Budapest Open Access Initiative* (BOAI). Di Malaysia, inisiatif akses terbuka mula diperkenalkan oleh para perpustakaan universiti Malaysia (Kiran & Chia, 2009).

Sehubungan dengan itu, kaitan antara penggunaan bahasa Melayu dalam dunia akademik, penerbitan jurnal ilmiah dan pengamalan inisiatif akses terbuka mempunyai hubungan yang rapat dalam meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi dan bahasa perantaraan pendidikan di semua peringkat. Malahan, melihat kepada kepentingan penerbitan jurnal ilmiah dan akses terbuka dalam dunia pendidikan pada hari ini, penutur bahasa Melayu haruslah mengambil ruang dan peluang dalam mengantarabangsakan bahasa ini ke peringkat yang lebih tinggi.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Menurut Yahya Othman, Roselan Baki & Naffi Mat (2009) bahan ilmiah dalam bahasa Melayu yang boleh diakses secara terbuka di Internet masih lagi kurang. Hal ini selari dengan pandangan Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor (2013) yang menyatakan bahawa bahan ilmiah dalam bahasa Melayu masih kurang berbanding bahasa Inggeris. Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor (2015) sekali lagi membuktikan bahawa penerbitan bahan ilmiah bahasa Melayu dalam kalangan ilmuwan negara masih rendah berbanding bahasa lain. Menurut Roslan Abdul Shukor (2017) walaupun penerbitan artikel bahasa Melayu semakin meningkat dari tahun ke tahun, namun jumlah yang dikehendaki sebagai rujukan dan bahan pendidikan belum dapat dicapai. Dalam hubungan ini, kekurangan bilangan bahan ilmiah bahasa Melayu menyebabkan sumber rujukan masyarakat terbatas. Hal ini menyebabkan usaha dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu juga turut terjejas kerana bahasa Melayu seharusnya mampu merentasi bidang dan dapat dijadikan bahasa rujukan untuk masyarakatnya.

Permasalahan selanjutnya dapat diteliti berdasarkan kepada perkembangan penerbitan artikel bahasa Melayu dalam akses terbuka. Menurut Zamimah Osman & Nuraini Yusoff (2019) dalam pangkalan data Scopus (akses terbuka), artikel bahasa Inggeris telah mendominasi penerbitan artikel ilmiah berbanding bahasa Melayu sejak dari tahun 2013 sehingga 2018. Hal ini turut berlaku dalam pangkalan data MyCite, Laporan Pusat Sitisasi Malaysia (2017) menunjukkan bahawa sebanyak 475 buah jurnal telah diterbitkan di Malaysia, tetapi lebih daripada 50 peratus diterbitkan dalam bahasa lain berbanding dalam bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, trend penerbitan artikel bahasa Melayu dalam akses terbuka seharusnya terus meningkat dan melebihi penerbitan artikel bahasa lain namun perkara yang berlaku sebaliknya. Dalam pada itu, melihat kepada perkembangan penerbitan artikel ilmiah bahasa Melayu dalam kedua-dua akses terbuka ini, timbul persoalan sejauh manakah perkembangan penerbitan artikel ilmiah bahasa Melayu dari tahun ke tahun yang sepatutnya mendominasi platform tersebut. Perkembangan penerbitan bahasa Melayu yang tidak konsisten ini menimbulkan kerisauan, kebimbangan dalam dunia akademik dan menjelaskan perkembangan ilmu kerana bahasa Melayu merupakan bahasa perantaraan pendidikan di negara ini.

Selain itu, permasalahan ini juga berkait rapat dengan afiliasi pengarang, iaitu institusi seseorang pengarang bernaung. Menurut Roosfa Hashim (2011) perkembangan artikel ilmiah bahasa Melayu ini dapat dikaitkan dengan pertumbuhan institusi atau akademi dalam negara. Pendapat ini selari dengan Zamimah Osman & Nuraini Yusoff (2014) bahawa peningkatan dalam penerbitan artikel bahasa Melayu turut dipengaruhi oleh penubuhan institusi pengajian tinggi, institut penyelidikan dan pertambahan bilangan persatuan profesional. Namun begitu, institusi tertentu tidak mengambil peranan sepatutnya untuk memartabatkan bahasa Melayu terutamanya dalam bidang penerbitan yang merupakan agen terpenting dalam mengangkat bahasa Melayu di peringkat antarabangsa (Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor, 2015). Oleh hal yang demikian, afiliasi pengarang sangat mempengaruhi penulisan artikel ilmiah bahasa Melayu yang diterbitkan dalam akses terbuka.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah untuk:

1. mengenal pasti bilangan artikel ilmiah bahasa Melayu dalam akses terbuka.
2. menganalisis perkembangan tahun penerbitan artikel ilmiah bahasa Melayu dalam akses terbuka
3. merumuskan afiliasi pengarang artikel ilmiah bahasa Melayu dalam akses terbuka.

### **1.4 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya membataskan kepada bahan penulisan ilmiah, iaitu artikel jurnal yang menggunakan bahasa Melayu sebagai medium penulisannya dan dapat diakses secara terbuka. Artikel jurnal yang dipilih adalah dari tahun permulaan yang termuat dalam akses terbuka MyCite sehingga Mac 2018. Justifikasi pemilihan artikel ilmiah bahasa Melayu daripada MyCite yang merupakan pautan Malaysia Citation Centre (MCC) kerana kebanyakan jurnal yang dapat diakses secara terbuka di Malaysia boleh didapati atau dirujuk di laman web tersebut. MyCite juga menghimpunkan artikel yang terkandung dalam enjin carian yang lain seperti Google, Google Scholar, Yahoo, Bing dan sebagainya serta merupakan laman web yang menghubungkan masyarakat global ke dalam jurnal-jurnal yang terdapat di Malaysia. Data yang diperoleh daripada batasan kajian bahan ini akan dianalisis menggunakan pendekatan Bibliometrik oleh Rehn, Gornitzki, Larsson & Wadskog (2014) yang bersesuaian dengan kajian berbentuk dokumen, iaitu bibliografi artikel yang dijalankan.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Pertama, kajian ini penting dalam merungkaikan bilangan artikel ilmiah bahasa Melayu dalam akses terbuka di MyCite. Dalam pada itu, perkara ini dapat menggambarkan keadaan bahasa Melayu dalam pendidikan tinggi pada hari ini. Impak daripada dapatkan yang diperoleh ini dapat menggalakkan dan meneruskan lagi usaha-usaha dalam memartabatkan bahasa perantaraan pendidikan negara ini. Menurut Hamdan Azmi Abd. Aziz & Noor Rohana Mansor (2012) dasar yang berkaitan dengan bahasa Melayu harus diteliti dan dikaji semula bersesuaian dengan keadaan semasa. Oleh sebab itu, penggubal dasar pendidikan di peringkat universiti mahupun pentadbiran serta pihak-pihak yang terbabit haruslah bertanggungjawab dalam memastikan bahasa Melayu dapat dimartabatkan sebagai bahasa ilmu lebih-lebih lagi dalam penerbitan bahan ilmiah.

Kedua, kepentingan kajian adalah untuk mengetahui perkembangan artikel ilmiah bahasa Melayu dalam akses terbuka dari tahun ke tahun. Perkembangan artikel ilmiah bahasa Melayu dapat dilihat dalam tiga fasa utama, iaitu sebelum fasa kemerdekaan, fasa selepas kemerdekaan dan fasa pengantarabangsaan (Roosfa Hashim, 2011). Walau bagaimanapun, hanya fasa selepas kemerdekaan dan fasa pengantarabangsaan artikel

bahasa Melayu dilihat dapat menggambarkan perkembangan tahun penerbitan artikel bahasa Melayu dalam akses terbuka. Oleh yang demikian, trend penerbitan artikel ilmiah ini akan menjadi penanda aras kepada penerbitan bahasa Melayu pada masa akan datang.

Ketiga, kajian ini juga penting dalam melihat institusi yang menyumbang kepada penerbitan artikel bahasa Melayu dalam akses terbuka. Norien Mansor & Rohana Mansor (2015) menyatakan bahawa ahli akademik di institusi pengajian tinggi negara bertanggungjawab dalam mengangkat martabat bahasa Melayu dalam penulisan dan penerbitan ilmiah mereka. Dalam pada itu, peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh pengarang daripada institusi tertentu begitu besar dalam memastikan bahan rujukan ilmiah ini dapat dicapai dan diperoleh tanpa terbatas oleh masyarakat amnya. Hal ini kerana dalam dunia pendidikan pada hari ini, sumbangan hasil penyelidikan dan kajian yang dilakukan oleh pengarang daripada sesebuah institusi penyelidikan yang dihasilkan dalam bahasa Melayu amat diperlukan untuk memenuhi ruang lingkup pendidikan yang dilihat semakin meluas.

Kajian yang dilakukan juga penting kepada penerbit awam dan swasta serta mereka yang terlibat dengan proses penerbitan. Hal ini kerana penerbit awam dan swasta akan terdedah kepada maklumat berkaitan dengan penerbitan bahan secara akses terbuka bagi memberikan manfaat kepada semua golongan. Menurut Look & Marsh (2012) antara kebaikan akses terbuka ialah menjimatkan kos dan masa, memudahkan rujukan dan kerja-kerja penyelidikan serta memudahkan pihak perpustakaan dalam menangani kekurangan bahan rujukan untuk para pembaca. Oleh sebab itu, penerbitan secara akses terbuka dilihat mempunyai tanggungjawab sosial daripada seorang pengkaji atau ahli akademik kepada masyarakat di sekelilingnya.

Akhir sekali, kajian ini juga penting sebagai rujukan kepada para penyelidik bagi bidang berkaitan. Penerokaan mengenai artikel bahasa Melayu dalam jurnal merupakan sesuatu yang masih baru berbanding dengan manuskrip lama, namun mempertahankan dan mengekalkan yang lama dan baru merupakan tanggungjawab penyelidik dan juga pejuang bahasa. Menurut Amer Hudhaifah Hamzah (2017) menjadi tanggungjawab orang Melayu itu sendiri dalam melakukan penyelidikan dan penterjemahan bagi khazanah warisan bangsa kerana hanya bangsanya yang arif tentang kandungannya. Oleh hal yang demikian, kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada kajian yang akan datang untuk digunakan oleh pengkaji dalam memperkayakan lagi penyelidikan dan penerbitan ilmiah.

## **1.6 Definisi Operasional**

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah atau perkataan yang perlu dijelaskan secara lebih mendalam bagi merujuk penggunaan istilah tersebut. Antara istilah atau perkataan yang akan diberikan definisi lebih jelas ialah artikel jurnal dan akses terbuka.

### **1.6.1 Artikel Jurnal**

Menurut Zandegiaco (2005) artikel jurnal adalah satu terbitan berkala secara tetap mengikut kekerapan mingguan, bulanan, suku tahunan, tahunan dan seumpamanya. Albert (2009) pula menyatakan bahawa kandungan artikel jurnal tertumpu kepada topik minat semasa dalam skop kepakaran tersendiri dan boleh juga diterbitkan mengikut bahagian-bahagian yang berasingan. Menurut Pardede (2012) istilah artikel jurnal juga turut dikenali sebagai artikel saintifik, kertas saintifik, artikel ilmiah, kertas penyelidikan atau artikel penyelidikan.

Artikel jurnal mengandungi penulisan yang lebih pendek daripada buku dan tertumpu kepada sesuatu topik atau bidang (McKenzie, 2018). Selain itu, Pispiringas, Dervos & Evangelidis (2022) mendefinisikan jurnal sebagai satu cara dalam penyampaian idea, maklumat dan pengetahuan kepada penyelidik dalam bidang tertentu atau merentasi bidang disiplin. Gans (2000) menjelaskan artikel jurnal juga dikenali sebagai artikel penyelidikan kesarjanaan atau artikel akademik yang ditulis oleh golongan ahli akademik yang melalui beberapa proses penerbitan. Proses penerbitan ini dilakukan oleh lembaga penyunting yang dilantik dalam kalangan ahli akademik yang berwibawa dari universiti, institusi dan juga dari golongan masyarakat terpelajar dalam bidang kepakaran berkaitan.

